

## **Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa**

### **Analysis of Preposition in Writing Based on the Theory of Language Error**

Nor Ain Nor Azman & Nur Farahkhanna Mohd Rusli

Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 UPSI Tanjong Malim, Perak Malaysia

Submitted: 20/4/2020. Revised edition: 21/05/2020. Accepted: 30/05/2020. Published online: 30/06/2020

#### **ABSTRACT**

This paper aims to explain the misuse of prepositions among students in writing based on Error Analysis Theory (Corder, 1981). The data of the study were obtained through literature-based and observation methods with the help of instruments included questionnaire form. The respondents of this study consist of 20 form 2 students at Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Manjung, Manjung, Perak. The findings of this study shows that the level of mastery of students in the use of prepositions is at satisfactory level. Students are found to be confused with the functions of the prepositions ‘dari’ and ‘daripada’ when both if them used in sentences. This study is an effort to improve the mastery of Malay speakers, especially in prepositions.

*Keywords:* Prepositions, Error Analysis Theory, students, Malay language, Malay grammar

Makalah ini bertujuan menjelaskan kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam kalangan pelajar dalam penulisan berdasarkan Teori Analisis Kesalahan (Corder, 1981). Data kajian diperoleh melalui kaedah kepustakaan dan pemerhatian dengan bantuan instrumen, iaitu borang soal selidik. Responden kajian terdiri daripada 20 orang pelajar tingkatan 2 di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Manjung, Manjung, Perak. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan pelajar berkaitan penggunaan kata sendi nama berada pada tahap yang memuaskan. Hal ini kerana pelajar masih keliru dengan tugas dan fungsi kata sendi nama dari dan daripada apabila digunakan dalam ayat. Kajian ini merupakan satu usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam konteks tatabahasa khususnya kata sendi nama.

*Kata kunci:* Kata sendi nama, Teori Analisis Kesalahan, pelajar, bahasa Melayu, tatabahasa Melayu

#### **PENGENALAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan menjelaskan penggunaan KSN dari dan daripada dalam konteks penulisan berdasarkan Teori Analisis Kesalahan yang diperkenalkan oleh Corder (1981). Sebelum analisis terperinci dilakukan, perbincangan pada peringkat awal akan menjelaskan secara umum

---

\*Correspondence to: Nur Farahkhanna Mohd Rusli (email: [farahkhanna@fbk.upsi.edu.my](mailto:farahkhanna@fbk.upsi.edu.my))

tentang dua topik yang berkaitan dengan kajian, iaitu kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dan KSN sebagai unsur tatabahasa bahasa Melayu.

## **BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN**

Perkembangan pendidikan di Malaysia telah dirancang dan dimulakan sebelum negara mencapai kemerdekaan, iaitu bermula dengan Penyata Barnes (1950), Penyata Fenn-Wu (1951), Laporan Razak (1956), dan lain-lain. Jawatankuasa Laporan Razak (1956), dan Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan bahawa bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan wajib digunakan di sekolah-sekolah bantuan kerajaan. Bertitik tolak daripada inilah, maka mata pelajaran bahasa Melayu dianggap penting dan telah berkembang selaras dengan Dasar Pendidikan Negara yang berhasrat menjadikan bahasa Melayu sebagai medium menyatupadukan penduduk berbilang kaum di negara ini. Oleh itu, peranan pendidikan telah disesuaikan dari masa ke masa bagi memenuhi matlamat dan keperluan negara menjelang tahun 2020.

Dalam konteks wawasan 2020, reformasi pendidikan telah bermula dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah digubal dengan teliti setelah mendapat persetujuan daripada semua pihak, sama ada daripada ahli akademik mahupun ahli bukan akademik. Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubal bagi memenuhi keperluan murid-murid yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang sosial di Malaysia. Matlamat pendidikan juga bertujuan melahirkan individu yang berpengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berketerampilan dalam berbahasa. Untuk merealisasikan hasrat ini, murid-murid mesti mempunyai wawasan diri, sikap yang positif dan bermotivasi tinggi terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Pembelajaran bahasa Melayu menjadi penting kepada murid-murid setelah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyeragamkan pelaksanaan dasar pendidikan bahasa. Melalui dasar ini bahasa pengantar peperiksaan menggunakan bahasa Melayu. Oleh itu murid-murid perlu menguasai bahasa Melayu dengan baik dan salah satunya adalah dalam konteks tatabahasa atau sistem nahu bahasa Melayu itu sendiri. Tatabahasa merupakan salah satu daripada aspek kemahiran bahasa yang penting yang perlu dikuasai setiap individu untuk membolehkannya menguasai bahasa yang dipelajari dengan cekap dan berkesan. Sehubungan dengan itu, maka kajian ini dijalankan untuk melihat kebolehan penggunaan salah satu elemen tatabahasa dalam bahasa Melayu yang tercakup dalam bidang morfologi, iaitu berkaitan dengan kata sendi nama (seterusnya KSN), khususnya dari dan daripada yang digunakan oleh pelajar dalam konteks penulisan.

## **KATA SENDI NAMA SEBAGAI UNSUR TATABAHASA BAHASA MELAYU**

Menurut Siti Baidura Kasiran dan Nurul Jamilah Rosly (2011), binaan ayat dasar dalam bahasa Melayu terdiri daripada dua konstituen utama, iaitu subjek dan predikat. Unsur-unsur yang

membentuk dua konstituen utama ayat-ayat dasar bahasa Melayu ini bukan sahaja terdiri daripada frasa nama (FN), frasa kerja (FK), frasa adjektif (FA), malah termasuk juga frasa sendi nama (FSN). Dari segi definisi, Nik Safiah Kafim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood (2015) menjelaskan KSN tergolong dalam golongan kata tugas. Kata tugas pula dapat dibahagikan kepada kata penyambung ayat, kata praklausa, kata prafrasa dan pascafrasa, serta kata pascakata. KSN terletak dalam kelompok kata prafrasa dan pascafrasa. Tambah Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood (2015), kata prafrasa dan pascafrasa ialah sejumlah perkataan yang hadir sebelum dan sesudah frasa sama ada FN, FK, FA atau FSN. Perkataan-perkataan ini mendukung tugas menonjolkan maksud yang terkandung di dalam ayat seperti tugas membantu, menguat, menegas, menafi, memeri, menyediakan, menunjukkan arah dan membilang. Berdasarkan tugas-tugas ini, maka kata prafrasa, iaitu perkataan yang hadir sebelum frasa terdiri daripada sembilan jenis seperti yang diringkaskan dalam rajah berikut:

Kata bantu	Kata penguat	Kata penegas
Kata nafi	Kata pemer	Kata sendi nama
Kata nafi	Kata bilangan	Kata adverba

**Rajah 1** Kelompok Kata Prafrasa

Dalam kajian ini, KSN akan difokuskan. KSN terangkum dalam kelompok kata prafrasa kerana KSN merupakan perkataan yang letaknya di hadapan FN (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2015). Oleh itu, KSN juga disebut sebagai kata depan. Antara KSN yang lazim digunakan dalam bahasa Melayu adalah seperti berikut:

di	bagi	laksana	ke	antara	demi	hingga	oleh
sejak	untuk	dari	tentang	terhadap	dengan	umpama	sampai
daripada	seperti	akan	dalam	kepada	bagai	pada	

**Rajah 2** KSN Bahasa Melayu

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, kajian ini akan memfokuskan kepada dua jenis KSN sahaja, iaitu dari dan daripada yang letaknya di hadapan FN. Kajian ini akan mengenal pasti tahap kefahaman pelajar tentang penggunaan kedua-dua KSN tersebut serta menganalisis kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam konteks penulisan berdasarkan Teori Analisis Kesalahan yang merupakan satu cabang aplikasi dalam bidang linguistik yang diperkenalkan oleh Coder (1967).

## PENYATAAN MASALAH

Banyak kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu tentang kesalahan tatabahasa, termasuklah kesalahan penggunaan KSN. Contohnya, kajian Mohamed Zain (2010) tentang penggunaan KSN dalam kalangan pelajar universiti menjelaskan bahawa walaupun penguasaan pelajar adalah baik, namun masih terdapat kesalahan yang dilakukan terutama penggunaan KSN yang mudah seperti dari dan daripada. Berdasarkan analisis kekerapan kesalahan bagi setiap jenis KSN, pengkaji berpendapat pelajar masih tidak pasti tentang fungsi penggunaan KSN dengan tepat. Kesalahan ini disebabkan faktor-faktor seperti ketidakpastian aspek yang betul dan salah, kekeliruan dan kesalahan ketika membuat tanggapan yang akhirnya akan menyebabkan berlaku kesalahan penggunaan KSN yang tepat.

Selain itu, kajian oleh Siti Baidura Kasiran dan Nurul Jamilah Rosly (2011) tentang kesalahan tatabahasa dalam karangan pelajar asing di sebuah Institusi Pengajian Awam juga turut memperlihatkan masalah penggunaan FSN yang tidak tepat dalam penulisan karangan. Menurutnya, kesalahan penggunaan FSN yang sering dilakukan oleh pelajar juga terdiri daripada FSN asas termasuklah di, ke, daripada, dari, kepada, pada, untuk dan sebagainya. Bagi Christina Anak Rama (2017) yang telah menjalankan kajian berkaitan penggunaan KSN oleh pelajar dalam penulisan karangan pula, beliau telah mengenal pasti sebanyak 22.9% pelajar melakukan kesalahan KSN daripada dan kepada. Berdasarkan kajian ini, beliau merumuskan terdapat pelajar yang masih belum dapat menguasai penggunaan KSN dalam penulisan masing-masing. Walaupun jumlah ini bukanlah jumlah yang besar, namun pengkaji berpendapat fenomena kesalahan penggunaan tatabahasa bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi negara tidak boleh dikesampingkan. Hal ini penting supaya pelajar tidak mengulangi kesalahan yang sama selain dapat memberi penjelasan akan sebab mengapa KSN yang digunakan tidak tepat bagi mengelakkan kekeliruan yang berpanjangan.

Seperti yang dijelaskan oleh Zaliza Mohamad Nasir (2017), kurang pengetahuan tentang sistem sesebuah bahasa, selain keliru terhadap penggunaan unsur-unsur bahasa dalam konteks tertentu menjadi penyumbang utama yang mendorong fenomena kesalahan bahasa. Tambah beliau, pelajar yang tidak mampu mengenal pasti dan memahami struktur tatabahasa sesebuah bahasa cenderung melakukan kesalahan dalam penulisan mereka. Oleh yang demikian, beliau menyarankan supaya pelajar perlu mempunyai kesedaran untuk memperbaiki penguasaan bahasa Melayu dan kaedah yang dicadangkan adalah melalui pembacaan bertujuan memantapkan penguasaan terhadap perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu. Malah, pandangan ini disokong oleh Hazlina Abdul Halim dan Ang Lay Hoon (2015) yang menjelaskan bahawa kesalahan pemilihan kata berlaku disebabkan oleh kekurangan kosa kata. Bagi Noraini Husin, Sarimah Shamsudin dan Amerrudin Abd. Manan (2015), kosa kata memainkan peranan penting dalam proses pembacaan kerana semakin banyak bacaan dilakukan, maka semakin mudah pemahaman terhadap fungsi-fungsi kosa kata yang digunakan dalam sesebuah bahasa. Dalam konteks ini, kaedah tersebut dilihat dapat membantu meminimumkan kesalahan pembinaan ayat dalam bahasa Melayu.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, jelaslah bahawa penguasaan KSN oleh pelajar masih belum dapat ditangani secara holistik kerana kajian dari semasa ke semasa menunjukkan masih

terdapat pelajar yang melakukan kesalahan penggunaan KSN dalam konteks penulisan. Keadaan ini menunjukkan pelajar masih tidak dapat menguasai fungsi KSN dengan betul dan tepat. Seharusnya, KSN dari perlu digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan arah atau tempat, dan masa atau waktu. Ciri ini jelas berbeza dengan KSN daripada yang digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan atau benda, asal kejadian dan sumber, atau unsur perbandingan atau perbezaan.

Pada dasarnya, ciri-ciri pembeza inilah yang menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar untuk memilih KSN yang sesuai dalam penulisan. Sungguhpun demikian, kesalahan yang dilakukan tidak boleh dipandang enteng kerana ia akan mempengaruhi tahap penguasaan pelajar terhadap sistem nahu atau tatabahasa bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini dijalankan bukan sahaja untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar berkaitan penggunaan KSN khususnya dari dan daripada, malah untuk menjelaskan kesalahan penggunaan KSN yang digunakan oleh berdasarkan Teori Analisis Kesalahan supaya kelemahan penguasaan terhadap aspek tatabahasa bahasa Melayu dapat diminimum dan dielakkan.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan untuk menjelaskan persoalan apakah tahap kefahaman pelajar tentang penggunaan KSN dari dan daripada, serta apakah hubung kait antara kesalahan KSN dari dan daripada yang dilakukan oleh pelajar berdasarkan Teori Analisis Kesalahan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Mengetahui tahap kefahaman penggunaan kata sendi nama dari dan daripada dalam kalangan pelajar.
- 2) Menjelaskan kesalahan penggunaan kata sendi nama dari dan daripada berdasarkan Teori Analisis Kesalahan

## **KAJIAN LITERATUR**

Mohamed Zain (2010) dalam kajiannya yang bertajuk *Penggunaan Kata Sendi Nama Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Universiti* mendapati bahawa kesalahan masih dilakukan oleh pelajar terhadap penggunaan KSN yang mudah seperti *dari* dan *daripada*. Berdasarkan analisis kekerapan kesalahan bagi setiap jenis KSN, beliau berpendapat pelajar masih tidak pasti tentang fungsi

penggunaan KSN dengan tepat. Kesalahan ini disebabkan faktor-faktor seperti ketidakpastian aspek yang betul dan salah, kekeliruan dan kesalahan ketika membuat tanggapan. Dalam kajian ini, beliau telah menganalisis kesalahan penggunaan KSN dalam kalangan pelajar universiti. Berdasarkan kajian ini, jelas menunjukkan bahawa bukan sahaja pelajar peringkat sekolah rendah atau menengah yang sering melakukan kesalahan penggunaan KSN, malah kesalahan penggunaan KSN didapati berlarutan hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) seperti yang ditunjukkan dalam kajian Mohamed Zain (2010). Hal ini nyata membimbangkan kerana jelas menunjukkan penguasaan aspek tatabahasa yang masih kurang memuaskan walaupun pelajar sudah pun menjejakkan kaki ke peringkat pengajian tinggi. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk menjelaskan kesalahan penggunaan KSN yang berlaku dalam kalangan pelajar sebelum mereka menjejakkan kaki ke peringkat IPT berdasarkan Teori Analisis Kesalahan.

Seterusnya, kajian Christina Anak Rama (2017) yang bertajuk *Analisis Kesalahan Ejaan dan Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan 1 di Sekolah Menengah Kebangsaan Hamid Khan* dilakukan bertujuan mengenal pasti jenis kesalahan ejaan dan penggunaan KSN yang sering dilakukan oleh pelajar dalam penulisan karangan. Hasil kajian menunjukkan terdapat 7 jenis kesalahan penggunaan KSN yang dilakukan oleh pelajar. Antara kesalahan yang paling kerap dilakukan termasuklah kesalahan penggunaan KSN *daripada* sebanyak 22.9% dan KSN *kepada* juga berjumlah 22.9%. Umumnya, hasil kajian lalu telah dapat menunjukkan peratusan kesalahan KSN oleh pelajar yang masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Oleh itu, kajian ini akan dilakukan untuk menjelaskan sebab kesalahan penggunaan KSN tersebut berlaku berdasarkan Teori Analisis Kesalahan, iaitu untuk menjelaskan faktor kesalahan tersebut berlaku dalam penulisan pelajar, dengan menfokuskan KSN *dari* dan *daripada*.

Menurut W. Azlinda Wan Mukhtar (2003), penggunaan tatabahasa yang kurang tepat dalam bahasa Melayu akan menghasilkan suatu wacana yang tidak gramatis berdasarkan pelanggaran terhadap rumus-rumus tatabahasa. Berdasarkan kajiannya, beliau menjelaskan dalam konteks penulisan, pelajar bukan sahaja keliru tentang cara menggunakan KSN yang betul. Tambahnya, semua kata sendi nama yang hadir di hadapan KN atau FN mempunyai tugas yang berlainan dan penggunaannya ditentukan oleh peraturan-peraturan yang khusus. Pada dasarnya, kajian beliau merumuskan bahawa kesalahan penggunaan KSN yang dilakukan oleh pelajar adalah disebabkan faktor kekeliruan fungsi KSN yang ada dalam bahasa Melayu.

Nurul Adzwa, Nur Farahkhanna Mohd Rusli dan Norfaizah Abdul Jobar (2020) dalam kajiannya berpendapat bahawa pengajaran tatabahasa penting kepada pelajar untuk peperiksaan kerana soalan-soalannya terdiri daripada aspek tatabahasa. Dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) misalnya, Samat Buang (2016) menjelaskan salah satu bentuk soalan yang diuji dalam Kertas Bahasa Melayu 2 (1103/2) bagi SPM bulan November atau SPM Ulangan termasuklah aspek pengetahuan bahasa dan kemahiran tatabahasa yang terdiri daripada aspek morfologi, kesalahan kata atau istilah dan kesalahan bahasa.

Hal ini turut diperjelaskan oleh Liew Siew Lin, Yahya Othman dan Abdul Rasid Jamian (2003) bahawa dalam peperiksaan, calon dikehendaki menjawab soalan dengan menggunakan bahasa tulisan. Tambahnya, laporan prestasi 2001 oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) menunjukkan kegagalan calon menguasai bahasa tulisan dengan baik akan menyebabkan calon tidak berupaya

menjawab soalan seperti yang dikehendaki oleh pihak LPM. Oleh yang demikian, saranan supaya pengguna bahasa harus menggunakan bahasa dengan betul dan mengikut hukum bahasa yang sedia ada kerana peraturan tersebut yang akan menentukan bahasa yang digunakan berfungsi dengan baik, berkesan atau sebaliknya.

Jelaslah bahawa, jika masalah ini berterusan, maka pelajar akan menghadapi kesukaran untuk menguasai aspek-aspek tatabahasa yang dipelajari. Impaknya, mereka tidak akan dapat menterjemahkan aspek tatabahasa yang difahami dengan betul, sebaliknya aspek yang diterjemahkan lebih kepada bentuk-bentuk kesalahan tatabahasa merangkumi pelbagai aspek morfologi, sintaksis dan ortografi (Nurul Adzwa, Nur Farahkhanna Mohd Rusli dan Norfaizah Abdul Jobar, 2020). Justeru, pengkajian KSN yang dilakukan terhadap pelajar yang dikhususkan dalam kalangan pelajar sekolah menengah dilihat wajar dilaksanakan bertujuan memberi kefahaman dan kesedaran kepada tenaga pengajar dan pelajar akan pentingnya penggunaan KSN yang betul dalam konteks penulisan. Malahan juga, kajian ini turut membantu para pengguna bahasa yang lain dalam memperkaya dan memperkembangkan kemahiran berbahasa, khususnya dari aspek tatabahasa.

## METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, terdapat dua objektif yang ingin dicapai, iaitu (i) mengenal pasti tahap kefahaman penggunaan KSN *dari* dan *daripada* dalam kalangan pelajar dan (ii) menjelaskan kesalahan penggunaan KSN *dari* dan *daripada* berdasarkan Teori Analisis Kesalahan. Seajar dengan matlamat tersebut, maka satu kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif telah diterapkan dalam kajian. Bagi mencapai objektif pertama, iaitu untuk mengenal pasti tahap kefahaman penggunaan KSN *dari* dan *daripada* dalam kalangan pelajar, maka kaedah kuantitatif telah digunakan. Kaedah ini penting untuk melihat tahap kefahaman pelajar dalam bentuk penomboran atau statistik mudah, iaitu dengan melihat bilangan kekerapan kesalahan penggunaan KSN *dari* dan *daripada* dalam penulisan pelajar berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar. Dalam erti kata lain, kaedah kuantitatif dapat menunjukkan kekerapan kesalahan penggunaan KSN yang dilakukan oleh pelajar dalam bentuk penomboran mudah yang dinyatakan dalam bentuk jadual. Untuk keterangan lanjut, kekerapan kesalahan penggunaan KSN *dari* dan *daripada* oleh pelajar dapat dilihat dalam jadual 1 dalam bab analisis dan dapatan.

Seterusnya, bagi mencapai objektif kedua, iaitu menjelaskan kesalahan penggunaan KSN *dari* dan *daripada* berdasarkan Teori Analisis Kesalahan, kaedah kualitatif pula telah diterapkan. Kaedah ini penting untuk menjelaskan faktor kesalahan penggunaan KSN *dari* dan *daripada* dalam penulisan pelajar berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan, dengan mengaitkannya dengan Teori Analisis Kesalahan yang diperkenalkan oleh Corder (1981). Dalam erti kata lain, kaedah kualitatif digunakan bagi menjelaskan penggunaan KSN *dari* dan *daripada* dalam bentuk keterangan bukan numerikal, sebaliknya berfokus untuk menjelaskan faktor kesalahan penggunaan KSN *dari* dan *daripada* berdasarkan Teori Analisis Kesalahan supaya permasalahan yang berlaku dapat diberi penjelasan secara empirikal tentang sebab kesalahan tersebut berlaku. Contoh analisis kaedah kualitatif dapat dirujuk dalam perbincangan objektif kedua dalam bab analisis dan dapatan.

Seterusnya, terdapat dua kaedah kajian yang diterapkan, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian. Kaedah kepustakaan dilakukan dengan merujuk sumber seperti buku-buku akademik, tesis dan jurnal sebagai bahan rujukan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan isu-isu yang dikaji. Kaedah kepustakaan penting bukan sahaja untuk membantu pengkaji menemukan kelengkapan daripada kajian terdahulu, malah berperanan sebagai pelengkap huraian yang dapat menyokong analisis yang dibincangkan berdasarkan pandangan-pandangan tertentu yang dikemukakan oleh para pengkaji sebelum ini berkaitan dengan isu yang dikaji.

Seterusnya, kaedah pemerhatian digunakan untuk mendapatkan data di kawasan lapangan atau lokasi kajian, iaitu di SMK Seri Manjung, Manjung, Perak sepanjang tempoh dua bulan pengkaji menjalani Latihan Mengajar di sana. Menerusi kaedah ini, data akan diperolehi melalui hubungan secara langsung antara pengkaji sebagai guru matapelajaran bahasa Melayu dengan pelajar-pelajar yang dipilih sebagai responden kajian. Berdasarkan hubungan secara langsung ini, maka keadaan ini akan memudahkan pengkaji memperoleh data memandangkan pelajar-pelajar yang menjadi responden merupakan pelajar atau anak didik pengkaji sendiri.

Sejajar dengan matlamat kajian, iaitu untuk menganalisis penggunaan KSN *dari* dan *daripada* oleh pelajar, maka responden kajian terdiri daripada pelajar tingkatan dua SMK Seri Manjung, Manjung, Perak. Seramai 20 orang pelajar Melayu yang terdiri daripada 11 pelajar lelaki dan 9 pelajar perempuan telah dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan pelajar dilakukan berdasarkan pengkaji bertindak sebagai guru bahasa Melayu bagi pelajar di kelas tersebut. Oleh yang demikian, kebolehcapaian maklumat dan data secara langsung antara pengkaji dan responden lebih mudah diperolehi.

Dari segi instrumen pula, buku catatan dan borang soal selidik telah digunakan. Buku catatan digunakan untuk mencatat hal-hal yang berkaitan dengan isu yang dikaji. Borang soal selidik pula berbentuk soalan BETUL atau SALAH. Terdapat 20 soalan struktur yang di dalamnya terkandung ayat yang memerlukan responden menjawab sama ada ayat tersebut BETUL atau SALAH dari segi penggunaan KSN. Responden dikehendaki menandakan jawapan BETUL atau SALAH pada ruangan yang telah disediakan. Soalan-soalan yang dibina ini membolehkan pengkaji mengenal pasti sejauh mana pelajar mengalami kekeliruan dalam memilih fungsi KSN *dari* dan *daripada* mengikut konteks ayat yang disediakan. Data-data yang diperolehi kemudiannya akan dikenal pasti dan ditentukan kekerapannya (Alhaadi Ismail dan Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2018).

Data yang diperolehi akan dianalisis dalam dua bentuk. Pertama, secara kuantitatif atau bentuk penomboran mudah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1 bertujuan melihat kekerapan kesalahan penggunaan KSN *dari* dan *daripada* pelajar. Kedua, secara kualitatif, iaitu dalam bentuk huraian deskriptif bertujuan menjelaskan faktor kesalahan penggunaan KSN *dari* dan *daripada* dengan menggunakan Teori Analisis Kesalahan (Corder, 1981). Dalam teori tersebut, Corder (1973) menjelaskan terdapat empat kategori kesilapan bahasa, iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, penyusunan unsur yang salah, dan kesilapan dalam bidang linguistik seperti morfologi, sintaksis dan lesikon. Dalam kajian ini, jenis kesilapan yang difokuskan ialah kesilapan dalam bidang linguistik memandangkan kajian ini bertujuan melihat penguasaan linguistik pelajar, khususnya dari segi pengetahuan terhadap nahu atau tatabahasa bahasa Melayu yang berkaitan dengan KSN *dari* dan *daripada*. Secara ringkasnya, kesalahan penggunaan KSN *dari*



dan *daripada* oleh pelajar akan dianalisis berdasarkan Teori Analisis Kesalahan dengan mengaitkannya dengan faktor kesilapan dalam bidang linguistik seperti morfologi, sintaksis dan leksikon seperti yang dinyatakan oleh Corder (1973).

Dalam melaksanakan kajian, terdapat beberapa aspek yang diberi perhatian agar kajian yang dilakukan menepati pertimbangan etika. Dari segi bahasa misalnya, maklumat yang disediakan perlu lengkap dan mudah difahami. Masa yang diberikan untuk menjawab borang maklum balas juga perlu mencukupi dan tidak mengemukakan soalan-soalan yang boleh mewujudkan kekacauan emosi dan menyentuh isu sensitiviti. Maklumat responden dirahsiakan agar tidak menimbulkan ketidakselesaan dan menggugat keselamatan atau maruah responden. Sebelum mendapatkan data, penjelasan mengenai tujuan kajian diterangkan kepada responden. Setiap etika yang digariskan dalam penyelidikan dipatuhi kerana kegagalan mematuhi etika tersebut akan mengugat kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang dilakukan.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dalam bab ini akan menjelaskan dua objektif, iaitu (i) mengenal pasti peratusan tahap kefahaman penggunaan KSN dari dan daripada oleh responden, (ii) menjelaskan penggunaan KSN berdasarkan Teori Analisis Kesalahan. Perbincangan tentangnya akan dijelaskan satu persatu mengikut objektif yang dinyatakan supaya analisis tentangnya lebih mudah difahami.

### Objektif 1: Mengenal pasti tahap kefahaman penggunaan KSN *dari* dan *daripada* dalam kalangan pelajar

**Jadual 1** Bilangan dan peratusan BETUL atau SALAH bagi jawapan responden terhadap soalan 1 hingga 20

Bil.	Penggunaan KSN “dari” dan “daripada”	Jawapan yang tepat	Bil. Resp. yang menjawab BETUL	Bil. Resp. yang menjawab SALAH
1	Jaketnya itu dibuat <u>daripada</u> kulit.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	17	3
2	Azizi menunggu adiknya <u>daripada</u> jam tiga petang tadi.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>salah</b>	1	19
3	Harga kain batik tulis lebih mahal <u>daripada</u> harga kain batik cap.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	16	4
4	Mak Cik Esah sedang menunggu anaknya pulang <u>daripada</u> Kuala Lumpur.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>salah</b>	3	17
5	Feri <u>dari</u> Langkawi sedang berlabuh di jeti Kuala Kedah.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	15	5
6	Surat yang ayah baca itu <u>daripada</u> abang yang berada di luar negara.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	11	9
7	Kereta Mercedes itu diimport <u>daripada</u> Amerika Syarikat.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>salah</b>	9	11
8	Maklumat itu diperolehi <u>daripada</u> Jurnal Bahasa Universiti Malaya.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	15	5
9	Soalan peperiksaan Bahasa Malaysia tahun ini lebih senang <u>dari</u> tahun lepas.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>salah</b>	10	10

Bil.	Penggunaan KSN “dari” dan “daripada”	Jawapan yang tepat	Bil. Resp. yang menjawab BETUL	Bil. Resp. yang menjawab SALAH
10	Tabung yang unik itu diperbuat <u>daripada</u> tempurung kelapa.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	17	3
11	<u>Dari</u> semasa ke semasa biodata murid-murid akan dikemaskinikan.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	19	1
12	Dia menerima sepucuk surat <u>daripada</u> abangnya yang menuntut di luar negara.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	14	6
13	“Ambillah pengajaran <u>dari</u> kisah tadi,” nasihat Cikgu Aminah.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>salah</b>	5	15
14	Sebahagian besar <u>daripada</u> pelanggan di gerainya ialah pekerja-pekerja kilang.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	16	4
15	Kebanyakan pekerja di tapak pembinaan itu berasal <u>dari</u> kawasan pedalaman Sarawak.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	15	5
16	Kesenian wayang kulit yang terkenal di Kelantan dipercayai berasal <u>daripada</u> selatan Thailand.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>salah</b>	8	12
17	Kepupusan hasil hutan berpunca <u>daripada</u> penerokaan hutan yang berterusan dan tanpa kawalan.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	17	3
18	Sesetengah haiwan melindungi diri <u>daripada</u> musuh dengan bertukar warna mengikut persekitaran.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	18	2
19	Mesyuarat agung Persatuan Bahasa Malaysia itu akan dijalankan <u>daripada</u> pukul 9.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>salah</b>	1	19
20	“ <u>Daripada</u> kamu membuang masa menonton televisyen, lebih baik kamu tolong ayah cuci kereta ni,” kata ayah kepada adik.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	18	2

Jadual 1 menunjukkan soalan ujian berbentuk BETUL atau SALAH yang disediakan untuk menganalisis kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar tentang penggunaan KSN *dari* dan *daripada*, sekali gus bertujuan menjawab persoalan bagi objektif 1, iaitu untuk mengenal pasti tahap kefahaman penggunaan KSN *dari* dan *daripada* oleh pelajar.

Berdasarkan jadual tersebut, bagi pilihan jawapan yang BETUL, KSN yang digunakan dalam ayat tersebut adalah tepat menurut nahu bahasa Melayu (contohnya soalan 1, 3, 5 dan lain-lain). Oleh yang demikian, responden perlu menandakan jawapan itu sebagai BETUL. Sungguhpun demikian, masih ada responden yang menjawab soalan 1 misalnya, sebagai SALAH (seperti yang diwarnakan kelabu di dalam jadual), iaitu seramai tiga orang. Begitu juga cara membaca data bagi soalan-soalan yang lain.

Bagi pilihan jawapan yang SALAH pula, KSN yang digunakan dalam ayat tersebut sememangnya salah menurut nahu bahasa Melayu (contohnya soalan 2, 4, 7, dan lain-lain). Oleh itu, responden perlu menandakan jawapan tersebut sebagai SALAH. Namun, data menunjukkan masih ada responden yang menjawab soalan 2 misalnya, sebagai BETUL (seperti yang diwarnakan kelabu di dalam jadual), iaitu seorang. Begitu juga cara membaca data bagi soalan-soalan yang lain pula.

Pada dasarnya, walaupun bilangan pelajar yang melakukan kesalahan adalah minimum, namun perlu ditegaskan bahawa kesalahfahaman penggunaan KSN ini tidak boleh dibiarkan berterusan hingga ke peringkat IPT misalnya. Kesalahfahaman ini perlu diperbetulkan supaya responden dapat menguasai sistem nahu bahasa ibunda dengan betul dan tepat, khususnya dalam kalangan pelajar Melayu itu sendiri. Hal ini penting supaya responden dapat memahami konteks sebenar penggunaan KSN bukan sahaja untuk pengetahuan mandiri, malah untuk disalurkan kepada generasi seterusnya seperti ahli keluarga yang lebih muda, pelajar-pelajar, mentee dan sebagainya. Oleh sebab itu, kajian ini wajar dilakukan untuk mengetengahkan kepentingan penggunaan KSN, khususnya *dari* dan *daripada* yang betul dan tepat mengikut sistem nahu bahasa Melayu.

## Objektif 2: Menjelaskan kesalahan penggunaan kata sendi nama *dari* dan *daripada* berdasarkan Teori Analisis Kesalahan

Soalan yang dibina dalam jadual 1 sebelum ini adalah berdasarkan tugas dan fungsi KSN *dari* dan *daripada* mengikut sistem tatabahasa bahasa Melayu. Perbincangan tentang kesalahan penggunaan KSN tersebut berdasarkan Teori Analisis Kesalahan akan dibuat secara berasingan, iaitu dimulai dengan KSN *dari* dan diikuti dengan KSN *daripada* supaya analisis tentangnya mudah difahami.

### A. Kesalahan penggunaan KSN *dari*

Berdasarkan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2008), KSN *dari* digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan arah atau tempat, dan waktu atau masa. Oleh itu, analisis akan dilakukan berdasarkan fungsi kedua-dua KSN tersebut seperti yang dinyatakan dalam jadual 2:

#### 1. Kesalahan penggunaan KSN yang menunjukkan tempat atau arah

Jadual 2 Penggunaan KSN *dari* yang menunjukkan tempat atau arah

Bil	Soalan	Analisis	Bil. Resp. yang menjawab BETUL	Bil. Resp. yang menjawab SALAH
7	Kereta Mercedes itu diimport <u>daripada</u> Amerika Syarikat.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>salah</b>	9	11
16	Kesenian wayang kulit yang terkenal di Kelantan dipercayai berasal <u>daripada</u> selatan Thailand.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>salah</b>	8	12

\*Jadual berwarna: Penggunaan KSN dalam ayat ini adalah SALAH dan pelajar perlu memilih jawapan SALAH. Namun, ada pelajar yang memilih jawapan BETUL seperti yang ditunjukkan dalam jadual berwarna. Jadual berwarna menunjukkan jawapan pelajar adalah tidak tepat. Kaedah yang sama turut diguna pakai dalam jadual-jadual berikutnya.

Penggunaan KSN *daripada* dalam soalan 7 tidak tepat menurut tatabahasa bahasa Melayu. KSN *dari* lebih tepat digunakan dalam ayat tersebut kerana “Amerika Syarikat” merujuk kepada nama tempat. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, salah satu fungsi penggunaan KSN *dari* ialah digunakan di hadapan KN yang menyatakan tempat. Oleh itu, penggunaan KSN yang betul bagi soalan 7 ialah:

**Pembetulan soalan 7:** Kereta Mercedes itu diimport dari Amerika Syarikat.

Bagi soalan 7, jadual menunjukkan seramai 9 orang responden telah salah dalam memilih jawapan, iaitu dengan memilih jawapan BETUL seperti yang ditunjukkan dalam kotak berwarna. Manakala 11 orang responden yang lain pula berjaya menjawab soalan 7 dengan tepat, iaitu dengan memilih jawapan SALAH. Daripada keseluruhan 20 orang pelajar, data menunjukkan masih ada dalam kalangan pelajar yang belum dapat menguasai fungsi KSN *dari* apabila digunakan dalam konteks ayat, iaitu seramai 9 orang.

Seterusnya, KSN *daripada* yang digunakan dalam ayat 16 juga tidak tepat kerana “Selatan Thailand” juga merujuk kepada nama tempat. Oleh itu, KSN *dari* lebih tepat digunakan bersesuaian dengan fungsinya, iaitu diletakkan di hadapan KN yang menyatakan tempat yang merujuk kepada lokasi di “Selatan Thailand”. Oleh yang demikian, penggunaan KSN yang betul bagi soalan 16 ialah:

**Pembetulan soalan 16:** Kesenian wayang kulit yang terkenal di Kelantan dipercayai berasal dari Selatan Thailand.

Bagi soalan 16, data menunjukkan seramai 8 orang responden telah salah dalam memilih jawapan dengan menjawab BETUL. Seramai 12 orang responden yang lain berjaya menjawab soalan tersebut dengan tepat, iaitu dengan memilih jawapan SALAH. Dalam hal ini, walaupun bilangan pelajar yang melakukan kesalahan adalah minimum, namun keadaan ini menunjukkan masih ada pelajar yang belum menguasai KSN dengan baik kerana tidak semua pelajar dapat menjawab soalan dengan betul.

Pada hemat pengkaji, tiada kesalahan penggunaan KSN yang sepatutnya berlaku bagi soalan 7 dan 16 kerana predikat kedua-dua ayat tersebut yang merujuk secara langsung nama sebuah negara, iaitu ‘Amerika Syarikat’ dan salah satu lokasi di negara Thailand, iaitu ‘Selatan Thailand’ yang jelas menunjukkan pernyataan yang merujuk kepada suatu tempat. Walau bagaimanapun, kesalahan dilihat tetap berlaku walaupun bagi soalan yang dianggap mudah dan keadaan ini boleh dikaitkan dengan faktor pelajar yang tidak berhati-hati ketika menggunakan bahasa (Corder, 1973).

Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan, Corder (1981) menjelaskan kesalahan bahasa berlaku disebabkan faktor kekeliruan (*mistakes*), kesilapan (*lapses*) dan kesalahan (*errors*). *Mistakes* merupakan penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana penulis tidak menggunakan bahasa secara tepat. *Lapses* pula merupakan penyimpangan pemakaian bahasa yang berlaku kerana beralihnya topik perbincangan. *Errors* pula merupakan penyimpangan pemakaian bahasa daripada struktur baku kerana pemakai bahasa belum menguasai sistem kebahasaan bahasa tersebut.

Dalam bahasa Melayu, terdapat banyak KSN yang setiap satunya mempunyai tugas dan fungsi yang berbeza-beza dalam menyatakan makna sesuatu ayat. Penggunaan setiap KSN ini ditentukan berdasarkan peraturan-peraturan khusus dan perlu dipatuhi supaya ayat yang dibina dapat menghasilkan wacana yang tepat dan gramatis. Oleh itu, jika KSN yang digunakan tidak tepat disebabkan faktor kekeliruan, kesilapan dan faktor kesalahan seperti yang dinyatakan oleh Corder (1981), maka sudah pasti ia akan mengubah makna sebenar ayat yang ingin disampaikan.

## 2. Menunjukkan waktu atau masa

**Jadual 3** Penggunaan kata sendi nama *dari* yang menunjukkan waktu dan masa

Bil	Soalan	Analisis	Bil. Resp. yang menjawab BETUL	Bil. Resp. yang menjawab SALAH
2	Azizi menunggu adiknya <u>daripada</u> jam tiga petang tadi.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>salah</b>	1	19
11	<u>Dari</u> semasa ke semasa biodata murid-murid akan dikemaskinikan.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	19	1

Dalam soalan 2, KSN yang digunakan tidak tepat menurut tatabahasa bahasa Melayu. Jika diteliti, KSN *dari* adalah lebih tepat digunakan dalam ayat tersebut kerana salah satu fungsi KSN *dari* adalah untuk menunjukkan masa. Oleh itu, penggunaan KSN yang betul bagi soalan 2 ialah:

**Pembetulan soalan 2 :** Azizi menunggu adiknya dari jam tiga petang tadi.

Bagi soalan 2, data menunjukkan kebanyakan responden memahami fungsi KSN *dari* dalam ayat yang menunjukkan waktu atau masa kerana hampir majoriti pelajar tepat memilih jawapan, iaitu seramai 11 orang telah berjaya menjawab SALAH bagi soalan tersebut. Hanya seorang pelajar sahaja yang menjawab salah, iaitu dengan memilih jawapan BETUL bagi soalan yang sama seperti yang ditunjukkan dalam kotak berwarna. Dalam hal ini, data menunjukkan kebanyakan pelajar dapat menguasai fungsi KSN *dari* bagi ayat yang menunjukkan waktu atau masa apabila struktur predikat soalan 2 menunjukkan pernyataan ‘...jam tiga petang tadi’ yang jelas menunjukkan tempoh waktu.

Seterusnya, penggunaan KSN *dari* dalam soalan 11 juga tepat menurut tatabahasa bahasa Melayu. Jika dilihat, kebanyakan pelajar memilih jawapan BETUL untuk soalan tersebut, iaitu seramai 19 orang. Hanya seorang sahaja pelajar yang menjawab salah, iaitu dengan memilih jawapan SALAH bagi soalan yang sama. Berdasarkan jumlah ini, kebanyakan pelajar dilihat dapat menguasai fungsi KSN *dari* bagi pernyataan yang menunjukkan waktu atau masa, iaitu berdasarkan pernyataan ‘...semasa ke semasa biodata murid akan dikemaskinikan’, yang bermaksud maklumat peribadi murid akan sentiasa dikemas kini dari suatu masa ke suatu masa yang lain bagi membolehkan maklumat peribadi masing-masing sentiasa berada dalam status yang terkini. Oleh itu, penguasaan dan pemahaman pelajar bagi KSN *dari* bagi maksud untuk menunjukkan waktu dan masa boleh dirumuskan pada tahap yang sangat baik.

Berdasarkan analisis bagi penggunaan KSN *dari*, dapat disimpulkan bahawa pelajar tidak sepatutnya gagal menjawab soalan yang mempunyai KSN *dari* yang digunakan dalam ayat. Hal ini kerana, sistem tatabahasa bahasa Melayu hanya mengemukakan dua jenis pola yang membenarkan penggunaan KSN *dari* digunakan dalam ayat seperti yang dirumuskan dalam pernyataan berikut:

- a) KSN *dari* digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan arah atau tempat
- b) KSN *dari* digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan dan waktu atau masa

Berdasarkan pernyataan (a) dan (b), KN atau FN arah atau tempat, dan waktu atau masa yang terdapat dalam bahasa Melayu mudah untuk dikenal pasti, terutama apabila sesuatu ayat menggunakan predikat KN atau FN seperti Kuala Lumpur (soalan 4), Langkawi (soalan 5), Amerika Syarikat (soalan 7), Selatan Thailand (soalan 16) yang jelas merujuk tempat, serta jam tiga petang (soalan 2), tahun lepas (soalan 9) dan pukul 9.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari (soalan 19) yang jelas menunjukkan waktu atau masa. Ertinya, ayat yang menggunakan KSN *dari* bagi merujuk arah atau tempat, dan waktu atau masa sepatutnya mudah difahami dan dijawab oleh pelajar apabila KN atau FN yang digunakan jelas menamakan suatu lokasi, atau menunjukkan suatu tempoh masa.

Bagi Corder (1967), kesilapan memang tidak boleh dielakkan dalam proses pembelajaran bahasa. Tambahan pula, bahasa Melayu bahkan bahasa-bahasa lain di dunia mempunyai sistem kebahasaan yang unik dan tersendiri. Di dalam sistem setiap bahasa terkandung struktur-struktur nahu yang meliputi aspek pembentukan kata, pembinaan dan penyusunan kata serta ayat dan sebagainya yang perlu dipatuhi oleh pengguna bahasa. Bagi Corder (1973), kesilapan dalam berbahasa tidak dapat dielakkan jika terlalu banyak peraturan-peraturan khusus yang terdapat di dalam bahasa yang digunakan penutur.

Sungguhpun demikian, Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) berpendapat secara umumnya sistem morfologi bahasa Melayu agak mudah dipelajari dan difahami, namun jika penguasaan kosa kata yang dimiliki oleh pelajar adalah terhad, maka pelajar pasti akan mengalami kesukaran untuk menerapkan sistem morfologi yang sesuai bagi bentuk kata yang digunakan. Tambah Corder (1973), jika pelajar tidak berhati-hati ketika menggunakan bahasa samada dalam konteks lisan dan tulisan, maka kesilapan dalam berbahasa akan berlanjutan. Keadaan ini tidak boleh dikesampingkan bagi memastikan pengguna bahasa khususnya bahasa Melayu dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik selain dapat menggunakan bahasa dengan tepat.

## B. Kesalahan penggunaan KSN *daripada*

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood (2008) dalam Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga menyatakan bahawa KSN *daripada* hadir di hadapan KN atau FN yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda, unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda dan perbezaan atau perbandingan. Berikut dijelaskan secara terperinci tentang tugas dan fungsi KSN *daripada* berdasarkan data yang diperoleh daripada responden:

### 1. Menyatakan punca bagi manusia atau institusi, haiwan, benda, dan unsur mujarad

Jadual 4 Penggunaan KSN *daripada*

Bil	Soalan	Analisis	Bil. Resp. yang menjawab BETUL	Bil. Resp. yang menjawab SALAH
6	Surat yang ayah baca itu <u>daripada</u> abang yang berada di luar negara.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	11	9
8	Maklumat itu diperoleh <u>daripada</u> Jurnal Bahasa Universiti Malaya.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	15	5

Dalam soalan 6, KSN yang digunakan tepat menurut tatabahasa bahasa Melayu. Hal ini kerana salah satu tugas KSN *daripada* adalah ia digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan punca bagi manusia, iaitu ‘...abang yang berada di luar negara’. Oleh yang demikian, tiada pembedaan penggunaan KSN bagi soalan 6. Walau bagaimanapun, data menunjukkan hanya 11 orang pelajar yang berjaya menjawab soalan tersebut dengan tepat apabila mereka memilih jawapan BETUL. Seramai 9 orang pelajar yang lain pula gagal menjawab soalan tersebut dengan tepat apabila mereka memilih jawapan SALAH seperti yang ditunjukkan dalam kotak berwarna.

Walaupun bilangan pelajar yang menjawab salah sedikit berbanding pelajar yang berjaya menjawab dengan betul, keadaan ini menunjukkan masih ada pelajar yang keliru dengan fungsi KSN *daripada* dalam struktur ayat yang menyatakan punca bagi manusia atau suatu institusi. Berdasarkan kajian Zaliza Mohamad Nasir (2017), sebab-sebab berlaku kesalahan tatabahasa Melayu adalah disebabkan faktor pelajar yang keliru dengan makna perkataan. Pada hemat pengkaji, pelajar memilih jawapan SALAH bagi soalan 6 kerana mungkin keliru dengan predikat ayat tersebut yang diikuti dengan pernyataan ‘...abang yang berada di luar negara’. Pelajar mungkin keliru dengan pernyataan ‘luar negara’ yang pada pemahaman mereka menunjukkan suatu lokasi atau tempat dan perlu menggunakan KSN *dari* dan bukannya *daripada*.

Dalam soalan 8 pula, KSN *daripada* yang digunakan dalam ayat tersebut juga tepat kerana ia digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan punca bagi institusi, iaitu apabila predikat ayat terdiri daripada ‘...Jurnal Bahasa Universiti Malaya’ yang jelas menunjukkan bahan bacaan bersifat akademik yang diterbitkan oleh sebuah institusi IPTA di Malaysia, iaitu Universiti Malaya. Oleh itu, tiada pembedaan penggunaan KSN bagi soalan 8. Namun begitu, data menunjukkan hampir majoriti pelajar berjaya menjawab soalan tersebut dengan tepat, iaitu 15 orang pelajar memilih jawapan BETUL. Seramai 5 orang pelajar lain pula gagal menjawab soalan tersebut dengan tepat apabila mereka memilih jawapan SALAH seperti yang ditunjukkan dalam kotak berwarna.

Kesilapan boleh berlaku jika pelajar tidak berhati-hati ketika menggunakan bahasa (Corder, 1973). Bagi 5 orang pelajar yang gagal menjawab soalan dengan tepat, kemungkinan mereka keliru dengan pernyataan ‘...Universiti Malaya’ dalam predikat soalan 8 kerana pada hemat mereka, ia menunjukkan tempat, iaitu sebuah IPTA di Malaysia. Oleh sebab itu, mereka berpendapat KSN *dari* lebih sesuai digunakan dan bukannya KSN *daripada*. Pada dasarnya, pelajar perlu melihat keseluruhan konteks predikat ayat tersebut, iaitu ‘...daripada Jurnal Bahasa Universiti Malaya’ yang jelas menunjukkan maksud bahan akademik bernama ‘Jurnal Bahasa’ yang diterbitkan di Universiti Malaya, dan bukannya fokus kepada Universiti Malaya yang jika dkecilkan skopnya memang merupakan nama salah sebuah tempat atau IPTA di Malaysia.

Kosa kata memainkan peranan penting dalam pembinaan ayat (Noraini Husin, Sarimah Shamsudin dan Amerrudin Abd. Manan, 2015). Jika diteliti, responden kajian merupakan pelajar tingkatan dua yang pada dasarnya mempunyai penguasaan kosa kata yang masih terhad. Pada peringkat ini, pelajar mungkin belum didedahkan dengan istilah ‘Jurnal Bahasa’ sebagai suatu bahan bercetak yang bersifat ilmiah kerana kebiasannya istilah-istilah seperti ini digunakan pada peringkat pengajian tinggi dan bukannya peringkat menenga rendah. Oleh itu, pelajar mengalihkan tumpukan kepada Universiti Malaya yang diketahui umum sebagai sebuah institusi IPTA di Malaysia. Oleh sebab itu, timbul kekeliruan penggunaan KSN oleh pelajar dengan memilih KSN *dari* bagi soalan 8, berbanding KSN *daripada*.

## 2. Menyatakan maksud sumber atau asal kejadian sesuatu benda

Jadual 5 Penggunaan KSN *daripada*

Bil	Soalan	Analisis	Bil. Resp. yang menjawab BETUL	Bil. Resp. yang menjawab SALAH
1	Jaketnya itu dibuat <u>daripada</u> kulit.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	17	3
17	Kepupusan hasil hutan berpunca <u>daripada</u> penerokaan hutan yang berterusan dan tanpa kawalan.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	17	3

Dalam soalan 1, KSN *daripada* yang digunakan tepat menurut tatabahasa bahasa Melayu. Hal ini kerana salah satu tugas KSN *daripada* adalah ia digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan maksud asal kejadian sesuatu benda, iaitu ‘...daripada kulit’. Oleh yang demikian, tiada pembetulan penggunaan KSN bagi soalan 1. Namun demikian, data menunjukkan seramai 3 orang pelajar telah salah dalam memilih jawapan, iaitu dengan memilih jawapan SALAH bagi soalan tersebut seperti yang ditunjukkan dalam kotak berwarna. Pada masa yang sama, majoriti pelajar, iaitu seramai 17 orang pelajar berjaya menjawab soalan tersebut dengan tepat, iaitu dengan memilih jawapan BETUL.

Begitu juga dengan soalan 17, KSN yang digunakan dalam ayat tersebut tepat menurut tatabahasa bahasa Melayu kerana KSN *daripada* digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan maksud sesuatu sumber apabila predikatnya terdiri daripada pernyataan ‘...daripada penerokaan hutan yang berterusan dan tanpa kawalan’. Oleh itu, tiada pembetulan penggunaan KSN bagi soalan 17. Berdasarkan data, majoriti pelajar berjaya menjawab soalan 17 dengan tepat apabila seramai 17 orang pelajar memilih jawapan BETUL. Sungguhpun demikian, 3 orang pelajar lain gagal menjawab soalan tersebut dengan tepat apabila mereka memilih jawapan SALAH seperti yang ditunjukkan dalam kotak berwarna.

Seerti yang dijelaskan sebelum ini, walaupun bilangan pelajar yang melakukan kesalahan adalah minimum, namun keadaan ini tidak boleh dikesampingkan. Kesalahfahaman yang berlaku dalam kognitif pelajar perlu diperbetulkan supaya mereka jelas akan jenis kesalahan yang dilakukan dan tidak mengulang kesalahan yang sama berulang kali. Hal ini penting bagi mengelakkan pelajar gagal menguasai sistem nahu bahasa Melayu kerana di peringkat yang lebih tinggi, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi misalnya dalam dokumen-dokumen rasmi, pertuturan berbentuk formal dan lain-lain yang menuntut penggunaan bahasa Melayu yang betul dan gramatis, sekaligus menghasilkan wacana yang utuh yang difahami oleh khalayak.

Bagi Zaliza Mohamad Nasir (2017) unsur tatabahasa memainkan peranan penting sebagai penentu hubungan dan perkaitan antara idea yang terkandung dalam wacana. Namun, jika perkara asas ini tidak dikuasai pada peringkat awal, maka fenomena kesilapan berbahasa yang menurut Corder (1981) merupakan bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau menyalahi sistem bahasa yang telah diterima sebagai baku akibat ketidaksempurnaan penutur menguasai sistem bahasa tersebut akan terus berlarutan dan menjejaskan martabat bahasa itu sendiri.



### 3. Menunjukkan perbezaan atau perbandingan

Jadual 6 Penggunaan KSN *daripada*

Bil	Soalan	Analisis	Bil. Resp. yang menjawab BETUL	Bil. Resp. yang menjawab SALAH
3	Harga kain batik tulis lebih mahal <u>daripada</u> harga kain batik cap.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>betul</b>	16	4
9	Soalan peperiksaan Bahasa Malaysia tahun ini lebih senang <u>dari</u> tahun lepas.	Penggunaan KSN dalam ayat ini <b>salah</b>	10	10

Bagi soalan 3, KSN *daripada* yang digunakan tepat menurut tatabahasa bahasa Melayu. Berdasarkan soalan tersebut, KSN *daripada* juga berperanan untuk menunjukkan perbezaan atau perbandingan. Oleh itu, tiada pembedaan penggunaan KSN bagi soalan 3 kerana pernyataan soalan tersebut jelas menunjukkan perbandingan harga antara dua jenis kain batik yang dijual berdasarkan perbezaan cara penghasilan kain batik tersebut. Berdasarkan jadual, data menunjukkan seramai 16 orang pelajar yang berjaya menjawab soalan tersebut dengan tepat apabila mereka memilih jawapan BETUL. Namun, ada juga pelajar yang gagal menjawab dengan tepat apabila 4 orang telah memilih jawapan SALAH seperti yang ditunjukkan dalam kotak berwarna.

Bagi soalan 9 pula, KSN *dari* yang digunakan tidak tepat menurut tatabahasa bahasa Melayu. KSN *daripada* lebih tepat digunakan kerana bersesuaian dengan fungsinya dalam ayat yang menunjukkan perbezaan atau perbandingan. Penggunaan KSN yang tepat bagi soalan 9 ialah:

**Pembedaan soalan 9:** Soalan peperiksaan Bahasa Malaysia tahun ini lebih senang daripada tahun lepas.

Berdasarkan data, separuh daripada pelajar berjaya menjawab soalan dengan tepat, iaitu seramai 10 orang memilih jawapan BETUL, manakala separuh pelajar lagi gagal menjawab dengan tepat, iaitu seramai 10 orang memilih jawapan SALAH seperti yang ditunjukkan dalam kotak berwarna. Dalam hal ini, dapat dilihat bahawa tahap kefahaman pelajar terhadap penggunaan KSN *daripada* untuk menunjukkan perbezaan atau perbandingan masih kurang memuaskan apabila mereka keliru untuk memilih jawapan yang tepat sesuai mengikut tugas dan fungsi KSN dalam sesuatu ayat. Kekeliruan ini berlaku disebabkan predikat ayat yang mengandungi pernyataan ‘...tahun lepas’ yang pada pemahaman pelajar menunjukkan suatu tempoh masa. Apabila berkait dengan masa, maka pelajar beranggapan bahawa KSN yang sesuai digunakan dalam ayat ialah *dari* dan bukannya *daripada*.

Berdasarkan analisis bagi penggunaan KSN *daripada*, dapat disimpulkan bahawa tatabahasa bahasa Melayu mengemukakan tiga jenis pola yang membenarkan penggunaan KSN *daripada* digunakan dalam ayat seperti yang dirumuskan dalam pernyataan berikut:

- a) KSN *daripada* digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan punca bagi manusia atau institusi, haiwan, benda dan unsur mujarad
- b) KSN *daripada* digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan sumber atau asal kejadian sesuatu benda

- c) KSN *daripada* digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan perbezaan atau perbandingan

Berdasarkan pernyataan (a), (b) dan (c), hasil kajian menunjukkan kesalahan penggunaan KSN *daripada* yang kerap dilakukan oleh pelajar adalah dari segi KN atau FN yang menyatakan punca bagi institusi, sumber dan perbezaan atau perbandingan. Bagi institusi dan sumber misalnya, pelajar gagal memilih KSN yang tepat kerana keliru dengan KN atau FN yang menyatakan punca bagi tempat. Sebagai contoh, soalan 6 yang mengandungi pernyataan ‘...daripada abang yang berada di luar negara’ apabila pelajar mungkin keliru dengan pernyataan ‘luar negara’ yang merujuk tempat lalu memilih KSN *dari*. Dan seterusnya, soalan 8 yang mengandungi pernyataan ‘...daripada Jurnal Bahasa Universiti Malaya’ apabila pelajar keliru dengan pernyataan ‘Universiti Malaya’ yang juga merujuk tempat lalu memilih KSN *dari*.

Bagi perbezaan atau perbandingan pula, sebarang KN atau FN yang berkaitan dengan masa atau waktu, sedangkan perbezaan atau perbandingan itu sememangnya tepat digunakan dalam konteks KSN *daripada*, maka pernyataan tersebut dengan mudah akan mengelirukan pelajar. Sebagai contoh pernyataan seperti ‘...lebih senang dari tahun lepas’ (soalan 9), ‘...dari kisah tadi’ (soalan 13). Pernyataan ‘tahun lepas’ dan ‘tadi’ boleh mengelirukan pelajar apabila kedua-duanya dilihat seolah-olah merujuk kepada suatu tempoh masa. Dalam hal ini, perlu diperjelaskan bahawa pelajar harus melihat keseluruhan konteks ayat dan bukan memberi tumpukan kepada KN atau FN tertentu sahaja. Hal ini penting bagi membolehkan pelajar memilih KSN yang sesuai digunakan di dalam sesuatu ayat.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa penguasaan KSN *dari* dan *daripada* yang tercakup dalam salah satu bidang linguistik, iaitu morfologi yang digunakan dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah adalah berada pada tahap yang memuaskan. Memuaskan dalam konteks ini bermaksud, pelajar pada dasarnya dapat menguasai penggunaan KSN *dari* yang merujuk kepada (i) arah atau tempat, dan (ii) masa atau waktu. Namun, atas faktor seperti kesilapan atau kecuaiian dalam menggunakan bahasa, maka soalan-soalan mudah yang dibina untuk melihat penguasaan KSN tersebut dilihat masih kurang memberangsangkan. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Juriah Long et al. (1990) yang menyatakan bahawa antara faktor yang mempengaruhi pelajar membuat kesalahan ialah disebabkan salah cara memproses (menginterpretasi) isi pelajaran.

Bagi KSN *daripada* pula, kajian merumuskan terdapat beberapa peraturan khusus yang ditentukan oleh sistem tatabahasa bahasa Melayu dari segi penggunaan KSN tersebut di dalam ayat, antaranya (i) KSN *daripada* digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan punca bagi manusia atau institusi, haiwan, benda dan unsur mujarad, (ii) KSN *daripada* digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan sumber atau asal kejadian sesuatu benda, dan (iii) KSN *daripada*

digunakan di hadapan KN atau FN yang menyatakan perbezaan atau perbandingan. Oleh sebab variasi ini, maka kajian menunjukkan pelajar mengalami kekeliruan ketika menggunakan KSN *daripada* yang dikemukakan di dalam soalan, malah ada dalam kalangan pelajar yang menggantikan penggunaan KSN *daripada* dengan KSN *dari* seperti yang dibincangkan sebelum ini. Bagi Juriah Long et al. (1990), faktor yang menyebabkan pelajar membuat kesalahan seperti ini adalah kerana keupayaan pelajar yang gagal menerapkan isi pelajaran yang telah diterima dalam konteks tertentu. Sejalan dengan objektif yang dikemukakan, kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis kesalahan penggunaan KSN *dari* dan *daripada* dalam kalangan pelajar berdasarkan Teori Analisis Kesalahan (Corder, 1981). Bagi Corder (1981), teori yang digunakan ini dapat memberi maklumat tentang punca-punca kesulitan pelajar dalam menggunakan bahasa yang semamangnya perlu diberi tumpuan. Berdasarkan kesalahan tersebut, maka Corder (1981) menjelaskan bahawa langkah-langkah penambahbaikan yang bersesuaian perlu diambil untuk memperbaiki kelemahan yang ditunjukkan oleh para pelajar. Tambahan pula, hasil kajian menunjukkan secara asasnya pelajar faham akan penggunaan KSN *dari* dan *daripada*, namun atas faktor kekeliruan dan kesilapan misalnya, kesalahan-kesalahan yang sepatutnya boleh dielakkan telah berlaku. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa tahap penguasaan KSN pelajar masih boleh dipertingkatkan dan usaha ini menuntut kerjasama semua pihak khususnya pelajar, guru dan ahli akademik untuk merangka strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif bagi membolehkan para pelajar menguasai salah satu kemahiran tatabahasa ini. Menurut W. Azlinda Wan Mukhtar (2003), guru-guru misalnya dapat mencari punca-punca kesilapan yang sering dilakukan pelajar serta dapat memberi pendedahan yang lebih terancang dan terperinci tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut. Hal ini penting untuk mengelak kekeliruan yang akhirnya akan menyebabkan penggunaan KSN yang tidak betul mengikut tugas dan fungsi-fungsinya.

Bagi Corder (1967), analisis kesalahan penggunaan sesuatu bahasa oleh pelajar penting untuk proses perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut. Hal ini kerana jenis-jenis dan kekerapan kesalahan bahasa yang dilakukan dapat menjadi bukti yang menunjukkan bagaimana pelajar menguasai bahasa yang didedahkan kepada mereka. Oleh yang demikian, bagi memastikan tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu khususnya KSN *dari* dan *daripada* ditambah baik daripada pemahaman yang sedia ada, maka langkah-langkah yang sewajarnya perlu dilaksanakan. Dalam erti kata lain, kajian yang dijalankan diharap dapat memberi pendedahan kepada semua pihak terhadap kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam penggunaan bahasa Melayu. Berdasarkan data tersebut, maka tindakan yang bersesuaian dengannya dapat diambil bukan sahaja bertujuan memantapkan penggunaan bahasa Melayu itu sendiri, malah dapat memberi input yang efektif kepada pelajar, iaitu dari segi kejelasan makna dan pemahaman penggunaan KSN itu sendiri agar kesalahan yang sama tidak berlaku berulang kali.

## PENGHARGAAN

Para penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak *UTM MyLinE Administrator* yang memberi peluang kepada para pengkaji untuk mengakses portal-portal yang berkaitan dengan skop kajian ini.

## RUJUKAN

- Alhaadi Ismail dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2018. Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi. *Jurnal Linguistik*. 22: 24-31.
- Christina Anak Rama. 2017. Analisis Kesalahan Ejaan dan Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan 1. *Tesis Sarjana Muda yang tidak diterbitkan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Corder. S. Pit. 1967. *The Significance of Learner's Errors*. Reprinted in J.C. Richards (ed.). 1974, 1984. *Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. London: Longman. 19-27. (Originally in *International Review of Applied Linguistics*, 5 (4)).
- Corder. S.Pit. 1973. *Introducing Applied Linguistics*. Baltimore: Penguin.
- Corder. S. Pit. 1981. *Error Analysis and Interlanguage*. London: University Press.
- Hazlina Abdul Halim dan Ang Lay Hoon. 2015. Kesalahan Pemilihan dan Pembentukan Kata dalam Terjemahan Bahasa Perancis. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 15(2): 151-164.
- Juriah Long, Rahimah Sabran dan Sofiah Hamid. 1990. *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Liew Siew Lin, Yahya Othman dan Abdul Rasid Jamian. 2003. Kesalahan Bahasa dalam Karangan Pelajar Cina Sekolah Menengah. *Jurnal Bahasa*. 3(2): 206-225.
- Mohamed Zain. 2010. Penggunaan Kata Sendi Nama Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan*. Johor Bharu: Universiti Putra Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2015. *Tatabahasa Dewan. Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Husin, Sarimah Shamsudin dan Amerrudin Abd. Manan. 2015. Vocabulary Needs of Engineering Students: A Survey. *LSP International Journal*. 2(1): 37-47.
- Nurul Adzwa, Nur Farahkhanna Mohd Rusli dan Norfaizah Abdul Jobar. 2020. Analisis Kesalahan Imbuhan dalam Penulisan Karangan Pelajar dan Hubung Kait dari segi Makna Gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*. 10(1): 77-90.
- Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron. 2016. Kesilapan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar -pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*. 15(2): 196-209.
- Samat Buang. 2016. Bentuk Soalan Kesalahan Ejaan dan Imbuhan. *Pelita Bahasa, Ogos 2016*. Diakses pada 13 April 2020 daripada <http://pbahasa.dbp.my/wordpress/?p=1158>.

- Siti Baidura Kasiran dan Nurul Jamilah Rosly. 2011. Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Karangan Pelajar Asing di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. Diakses pada 13 April 2020 daripada <http://irep.iium.edu.my/6212/1>.
- W. Azlinda Wan Mukhtar. 2003. Kata Sendi Nama dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah: Satu Tinjauan. *Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zaliza Mohamad Nasir. 2017. Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar. *LSP International Journal*. 4(1): 23-35.